

Penyelidikan Bahasa DBPCS ke Arah Pelestarian Bahasa Peribumi Sarawak.

Unit Penyelidikan Bahasa

DBP Cawangan Sarawak (DBPCS) dalam usaha untuk memperkaya kosa kata bahasa Melayu telah melaksanakan projek Pengumpulan Bahasa Sukuan Sarawak (PDUBSS). Projek ini berusaha untuk mencari pelbagai entri/perkataan yang mempunyai makna khusus daripada pelbagai bahasa sukuan untuk penyerapan sebagai istilah bahasa Melayu standard. Pelaksanaan projek ini juga merupakan salah satu usaha yang dilakukan oleh DBP Cawangan Sarawak untuk memelihara dan mendokumentasikan bahasa-bahasa sukuan di negeri Sarawak ini yang kini semakin terpinggir dalam pelbagai ranah kehidupan masyarakat peribumi tertentu.

Dalam melaksanakan fungsinya sebagai institusi tunggal yang diamanahkan untuk memperkaya dan mengembangkan bahasa kebangsaan, DBP juga berusaha mencari pelbagai bahan khususnya entri-entri baharu daripada pelbagai bahasa sukuan Sarawak untuk dibawa ke jawatankuasa istilah. Di Sarawak sahaja antara bahasa sukuan yang menjadi fokus utama dalam kajian ini ialah Bahasa Melanau (Mukah, Igan, Bintulu, Baligian, Daro, Bintulu (ada juga yang memanggil dirinya sebagai Vaie) Bahasa Bidayuh (Jagoi, Bukar Sadong, Singgai, Biatah) Bahasa Kelabit, Bahasa Lun Bawang, Bahasa Kedayan, Bahasa Punan, Bahasa Penan, Bahasa Selakau, Bahasa Lara, Bahasa Sihan, Bahasa Ukit, Bahasa Sekapan, Bahasa Saban, Bahasa Daleh, Bahasa Berawan, Bahasa Kiput, Dialek Melayu Sarawak, Bahasa Kenyah.

Kajian-kajian sebegini amat perlu dilakukan khususnya sebagai usaha untuk mendokumentasikan bahasa-bahasa sukuan untuk disimpan ke dalam Sistem Pengurusan Bahasa Sukuan Sabah dan Sarawak di bawah Sistem Bahasa Melayu Bersepadu yang telah dibina oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Melalui sistem ini juga, kosa kata khusus bahasa-bahasa sukuan yang diperoleh bukan sahaja dapat diserapkan ke dalam bahasa Melayu tetapi melalui sistem ini masyarakat dunia dapat memanfaatkan khidmat pencarian bahasa sukuan Sabah dan Sarawak melalui laman web Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sejak tahun 1980-an Unit Penyelidikan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak telah melaksanakan dua projek dalam memenuhi peranannya dalam fungsi pembinaan bahasa Melayu iaitu:

- a. Projek Pengumpulan / Penyelidikan data umum bahasa - bahasa sukuan Sarawak.
- b. Projek Penyerapan Data Umum Bahasa Sukuan Sarawak ke dalam Bahasa Melayu.

Di samping berperanan khusus kepada dua fungsi yang tersebut di atas, penyelidikan DBP Cawangan Sarawak juga membantu agensi-agensi luar yang ingin bekerjasama untuk membuat penyelidikan khususnya yang berkaitan dengan bahasa-bahasa sukuan Sarawak. Unit Penyelidikan Bahasa, DBP Cawangan Sarawak kini sedang giat menjalankan projek Pengumpulan Data Umum Bahasa Sukuan Sarawak (PDUBSS). Projek penyelidikan ini memberi tumpuan kepada 12 bahasa sukuan utama di samping bahasa-bahasa sukuan yang lain iaitu :

1. Bahasa Kenyah
2. Bahasa Kedayan
3. Bahasa Narum



Bengkel kerja DBP sering mendapat kerjasama daripada masyarakat peribumi Sarawak. Antaranya kaum Penan, Lun Bawang, Kenyah, Bakung, Kedayan, Vaie, Melanau, Bidayuh dan sebagainya.

4. Bahasa Lun Bawang
5. Bahasa Kelabit
6. Bahasa Kiput
7. Bidayuh Bau Jagoi/Singgai
8. Bidayuh Bukar Sadong
9. Bidayuh Biatah
10. Melanau Mukah
11. Bahasa Selako
12. Bahasa Bisaya

Projek yang merupakan kesinambungan daripada projek pengumpulan kosa kata yang telah diusahakan sejak era 1980-an ini bertujuan :

- i. Mengumpul sebanyak mungkin kosa kata bahasa Sukuan Sarawak dan memberikan takrif setepat-tepatnya bagi setiap kata berkenaan mengikut pemahaman penutur aslinya.
- ii. Menyempurnakan pengisian data/maklumat ke Sistem Bahasa Sukuan yang dinamakan **Sistem Pengurusan dan Pembinaan Bahasa Sukuan (SPPBS)** yang sedang diusahakan oleh pihak DBP Kuala Lumpur.
- iii. Memanfaatkan sistem tersebut untuk pembinaan kamus dan istilah bahasa Melayu untuk memperkaya kosa kata bahasa Melayu melalui proses penyerapan.
- iv. SPPBS akan menyimpan semua maklumat yang berkaitan dengan data kosa kata bahasa sukuan seterusnya memenuhi peranannya dalam fungsi pembinaan bahasa Melayu.
- v. Secara umumnya, sistem ini akan membantu dalam pelaksanaan kerja dari peringkat pengurusan hingga ke peringkat bawahan semaksimum yang mungkin. Ia dibina dengan menggunakan perisian manual Visual Café sebagai "front end" dan data disimpan menggunakan SQL Server.
- vi. Mendokumentasikan data umum bahasa sukuan Sarawak sebagai persiapan awal untuk pemetaan bahasa-bahasa sukuan.
- vii. Mengusahakan penerbitan glosari/daftar kata bahasa-bahasa Sukuan Sarawak.

Sepanjang proses pengumpulan kosa kata yang dilaksanakan sejak tahun 1980-an, DBP Cawangan Sarawak berjaya mengumpul daftar kata bahasa sukuan yang disimpan dalam bentuk manuskrip mentah (Bahasa Melayu-Bahasa Sukuan) untuk bahasa-bahasa yang berikut :

Bahasa Melayu - Bahasa Sukuan:

1. Bahasa Melayu - Bahasa Penan Bintulu
2. Bahasa Melayu - Bahasa Bidayuh Biatah
3. Bahasa Melayu - Bahasa Melanau Bintulu

4. BM - Bahasa Kenyah (Long Tikan)
5. Bahasa Melayu - Bahasa Lara
6. Bahasa Melayu - Bahasa Tabun
7. Bahasa Melayu - Bahasa Kedayan
8. Bahasa Melayu - Bahasa Narum
9. Bahasa Melayu - Bahasa Kelabit
10. Bahasa Melayu - Bahasa Melanau Sibul
11. Bahasa Melayu - Bahasa Ukit
12. Bahasa Melayu - Bahasa Sekapan

Bahasa Sukuan - Bahasa Melayu

1. Bahasa Kedayan - Bahasa Melayu
2. Bahasa Bidayuh Bukar Sadong - Bahasa Melayu
3. Bahasa Melanau Rejang - Bahasa Melayu
4. Bahasa Selakau - Bahasa Melayu
5. Bahasa Jati Miriek - Bahasa Melayu
6. Bahasa Melanau Mukah - Bahasa Melayu
7. Bahasa Melanau Bintulu - Bahasa Melayu
8. Bahasa Melanau Balingian - Bahasa Melayu
9. Bahasa Melanau Sibul - Bahasa Melayu
10. Bahasa Sekapan - Bahasa Melayu
11. Bahasa Kelabit - Bahasa Melayu
12. Bahasa Bisaya - Bahasa Melayu

Di samping itu, pihak DBP Cawangan Sarawak juga telah menerbitkan lima buah buku daftar kata bahasa Melayu- bahasa Sukuan Sarawak. Antaranya ialah:

1. Bahasa Malaysia - Bahasa Selakau
2. Bahasa Malaysia - Bahasa Bisaya
3. Bahasa Malaysia - Dialek Melayu Sarawak
4. Bahasa Melayu - Bahasa Kayan
5. Bahasa Melayu - Melanau Seduan



"DBP Cawangan Sarawak akan terus mempergiatkan usaha dalam menyelidik bahasa-bahasa sukuan di Sarawak." Encik Jiso Rutan, Pengarah DBP Cawangan Sarawak.

2. Projek Penyerapan Data Umum Bahasa Sukuan Sarawak ke dalam Bahasa Melayu

Projek ini dimulakan pada tahun 1987. Antara matlamat projek ini ialah untuk memperkaya khazanah kosa kata umum bahasa Melayu melalui proses penyerapan kosa kata bahasa-bahasa sukuan. Sementara itu, kerja penyelidikan/pengumpulan kosa kata dilakukan oleh sebuah Jawatankuasa. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Unit Penyelidikan Bahasa DBP Cawangan Sarawak dan ahlinya dilantik daripada kalangan yang mahir/pakar dalam sesuatu bahasa sukuan bagi mewakili bahasa sukuan tersebut. Tugas jawatankuasa ini (yang dianggap JK Peringkat Negeri) merangkumi penyelarasan, pemilihan dan penyusunan senarai kosa kata yang telah disepakati di peringkat negeri ke Sidang Penyelarasan Bahasa Sukuan Sabah/Sarawak berdasarkan format yang ditetapkan.

3. Sidang Penyelarasan Bahasa Sukuan Sabah/Sarawak

Persidangan tahunan ini diadakan secara bergilir-gilir antara Kota Kinabalu dan Kuching. DBP Cawangan Sabah/Sarawak bergilir menjadi tuan rumah. Sidang Pertama telah diadakan pada 19 - 21 Oktober 1987 di



Bengkel kerja PDUBSS, menghimpunkan Informan daripada pelbagai masyarakat peribumi Sarawak.

Kuching, dan berjalan dengan lancar hingga sidang ke-4 (1990). Beberapa sesi Sidang (dari tahun 1991-1994) tidak dapat diadakan. Pada tahun 1995, Sidang ke-5 diadakan di Kuching. Sekali lagi pada tahun 1996 Sidang tidak dapat diadakan. Seterusnya Sidang ke-6 diadakan di Kota Kinabalu (1997) dan Sidang ke-7 di Kuching (1-3 Disember 1998). Pada peringkat awal (tahun-tahun awal) Sidang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah DBP; dengan lapan orang wakil dari Sarawak dan enam orang dari Sabah yang turut serta ialah wakil dari DBP Pusat. Pengarah dan Pegawai Projek DBP Cawangan ialah wakil tetap. Antara matlamat Sidang ini ialah untuk menyelaraskan, memilih, dan mencadangkan kata-kata yang sesuai untuk diserapkan ke dalam bahasa Melayu baku. Kata-kata terpilih boleh dimanfaatkan bagi memperkaya kosa kata bahasa Melayu dan penyerapannya sebagai kata umum atau istilah (bidang tertentu).

4. Penyelidikan Bahasa dengan Agensi Luar

Di samping menganjurkan projek-projek khusus, Unit Penyelidikan Bahasa juga menjalinkan kerjasama dengan agensi luar dalam usaha untuk melaksanakan penyelidikan bahasa. Antaranya ialah kerjasama dengan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dalam penyelidikan yang bertajuk Impak Pembangunan Bandar Baru Tanjung Manis. Dalam penyelidikan ini, DBP ditugaskan untuk membuat penyelidikan bahasa yang bertajuk *Kesenjangan Bahasa Melayu -Bahasa Melanau Rejang*. Penyelidikan ini yang bermula pada tahun 2005 berterusan sehingga tahun 2008. Di samping itu, unit penyelidikan bahasa juga membantu penyelidik-penyelidik luar yang ingin mencari bahan khususnya yang berkaitan dengan bahasa-bahasa sukuan Sarawak. **P**



Entri Pelbagai Tema menjadi tumpuan dalam Projek PDUBSS antaranya ialah Tema Kraftangan masyarakat Orang Ulu.